

TARIKH	7 OGOS 2025 (KHAMIS)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	KEPUTUSAN TENAGA NUKLEAR SELEPAS 2030		
M/S	37 (NIAGA)	KATA KUNCI	NUCLEAR ENERGY, MALAYSIA,
BIDANG	NUCLEAR	13MP	

 niagakosmo@mediamulia.com.my

NIAGA!

37



FADILLAH (enam dari kiri) dan Pengerusi Kumpulan MBSB, Datuk Wan Kamaruzaman Wan Ahmad (lima dari kiri) pada sesi Ceramah Makan Tengah Hari Menteri di Kuala Lumpur semalam.

Keputusan tenaga nuklear selepas 2030

- **Ambil kira penerimaan rakyat**
- **NEM 4.0 bakal diperkenalkan**

KUALA LUMPUR – Kerajaan dijangka hanya akan memuktamadkan keputusan berhubung penggunaan tenaga nuklear selepas tahun 2030, menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Katanya, keputusan itu hanya akan dibuat selepas kajian mendalam secara menyeluruh mengenai peraturan serta teknologi dan yang paling penting, penerimaan rakyat di negara ini.

"Ia hanya boleh dilaksanakan apabila terdapat penerimaan awam. Semua aspek perlu diambil kira dari segi keselamatan, kesejahteraan sosial rakyat, dan tentunya perspektif alam sekitar."

"Masih terlalu awal untuk menyatakan sama ada kita akan menggunakannya atau tidak, peringkat ini adalah untuk membuat analisis, untuk mengkaji sama ada ia boleh dilaksanakan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada sesi Ceramah Makan Tengah Hari Menteri anjuran Kumpulan MBSB di sini, semalam.

Berdasarkan dokumen Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang dikeluarkan kerajaan, satu program pembangunan tenaga nuklear akan dilaksanakan dan dijangka mula beroperasi menjelang tahun 2031.

Dalam ucapan pembentangan RMK13 di Parlimen baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan bahawa kerajaan sedang meneliti penggunaan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga bersih dan selamat.

Dalam perkembangan berlainan, Fadillah berkata, kerajaan bakal memperkenalkan mekanisme baharu Net Energy Metering (NEM) 4.0 tidak lama lagi, dengan mengambil kira pengenalan struktur tarif elektrik baharu bagi memastikan manfaat menyeluruh buat rakyat.

Jelasnya, tujuan NEM adalah membolehkan pihak yang menjana tenaga solar menjualnya kembali ke grid dan terdapat unsur subsidi dalam program NEM sebelum ini, sedangkan pengguna umum yang tidak menjana tenaga solar perlu membayar kos penggunaan elektrik pada kadar tarif biasa.

"Itulah sebabnya kita perlu menyemak semula sistem ini, kita mahu supaya ia lebih saksama, lebih adil kepada pengguna umum," katanya.

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
-----------------	--